

BAB 11 Penduduk dan Petempatan di Asia Tenggara

| Panduan RPH | Standard Kandungan (SK) | Standard Pembelajaran (SP) | Soalan dan Tahap Penguasaan (TP) | Halaman | |
|-------------------------------|---|----------------------------|--|--------------------------|---------------|
| 4.2 Asia Tenggara | 4.2.1 Membincangkan taburan penduduk di Asia Tenggara | Buku Teks m.s 122-123 | Soalan 1 Soalan 2 Soalan 3 Soalan 4 | TP1 TP2 TP3 TP3 | 99-100 |
| BBM | | PAK-21 | KBAT | | |
| Buku teks, peta Asia Tenggara | | <i>Circle Time</i> | Menganalisis, menilai | | |
| EMK | | i-THINK | Nilai Murni | | |
| Kelestarian global | | - | Bertanggungjawab | | |

Cadangan PdPc

1. Guru memberi penerangan kepada murid tentang jenis taburan penduduk di Asia Tenggara.
2. Guru menunjukkan peta Asia Tenggara dan menerangkan kepada murid tentang taburan penduduk di Asia Tenggara.
3. Guru berbincang bersama murid tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kepadatan penduduk di Asia Tenggara berdasarkan peta Asia Tenggara.
4. Murid menjawab soalan 1 dan soalan 2 dalam buku Power Up Geografi halaman 99.
5. Guru memilih beberapa orang murid duduk di dalam kumpulan secara bulatan.
6. Guru menyediakan bola pingpong.
7. Sesiapa yang memegang bola memberi penerangan tentang taburan penduduk di salah sebuah negara di Asia Tenggara.
9. Kemudian, murid tersebut memberi bola tersebut kepada murid lain untuk memberi peluang kepada mereka bercakap tentang taburan penduduk di negara Asia Tenggara yang lain.
10. Permainan berterusan sehingga semua murid diberi peluang untuk bercakap.

| Panduan RPH | Standard Kandungan (SK) | Standard Pembelajaran (SP) | Soalan dan Tahap Penguasaan (TP) | Halaman | |
|--|--|----------------------------|--|--------------------------|----------------|
| 4.2 Asia Tenggara | 4.2.2 Mengetahui fungsi petempatan bandar utama di Asia Tenggara | Buku Teks m.s 124-127 | Soalan 5 Soalan 6 Soalan 7 Soalan 8 | TP3 TP4 TP5 TP6 | 101-102 |
| BBM | | PAK-21 | KBAT | | |
| Buku teks, peta Asia Tenggara, foto bandar-bandar utama di Asia Tenggara | | <i>Cafe</i> | Menganalisis, menilai | | |
| EMK | | i-THINK | Nilai Murni | | |
| Kelestarian global | | - | Rasional | | |

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang fungsi-fungsi petempatan bandar utama di Asia Tenggara.
2. Guru menunjukkan peta Asia Tenggara dan menerangkan kepada murid tentang fungsi lima ibu negara utama di Asia Tenggara.
3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
4. Guru menampal foto sebuah bandar utama di Asia Tenggara di meja setiap kumpulan.
5. Seperti di kafe, murid duduk secara berkumpulan di meja dan berbincang tentang fungsi petempatan bandar yang ditampal oleh guru.
6. Murid menjawab soalan 5 dan soalan 6 dalam buku Power Up Geografi halaman 101.
7. Murid membandingkan taburan penduduk dan fungsi petempatan bandar antara dua buah bandar utama di Asia Tenggara dengan menjawab soalan 7 dalam buku Power Up Geografi halaman 102.
8. Murid juga menjalankan aktiviti (soalan 8) dalam buku Power Up Geografi halaman 102.